

PETIKAN TITAH



Para pelajar boleh disifatkan sebagai peneraju negara dan ejen perubahan yang akan merealisasikan aspirasi kita di masa hadapan. Maka untuk itu, kemajuan, kejayaan dan kestabilan negara dan bangsa amatlah bergantung kepada para pelajar sekalian. Oleh yang demikian, para pelajar mestilah berusaha untuk menjadi pemimpin yang bersemangat dan berilmu tinggi, yang mampu bersaing dengan apa jua tantangan di hadapan.

Pendedahan kepada keadaan, budaya dan ilmu yang berbeza boleh mengembangkan minda dan kualiti kemahiran. Maka oleh itu, jadikanlah kesempatan ini untuk mencabar diri sendiri supaya para pelajar dapat memiliki kualiti yang dimaksudkan.

Dalam kepesatan teknologi, para pelajar mestilah bijak serta mahir untuk membezakan sumber yang boleh dipercayai ataupun tidak. Maka oleh itu, para pelajar, jadilah awda semua warga digital atau '*Digital Citizen*' yang bertanggungjawab dan beretika, supaya awda sekalian selamat dan berjaya.

Dalam keadaan dunia semakin tidak menentu ini juga, kita sering terdedah kepada tekanan yang boleh mempengaruhi akal budi kita. Beta menyeru kepada pelajar semua supaya sentiasa menjaga kesihatan mental, dan jangan malu untuk mendapatkan bantuan jika diperlukan. Sesungguhnya pertolongan adalah tanda kekuatan, bukan kelemahan.

Perkara yang paling penting ialah, berpegang dengan kuat kepada nilai-nilai ugama, iaitu mengamalkan segala aktiviti yang bermanfa'at yang boleh membawa kepada keterengganuan serta juga menjaga kesihatan dan mengawal pemakanan.

Beta tidak jemu-jemu mengingatkan supaya para pelajar semua janganlah mengabaikan ajaran ugama. Dekatkanlah diri kepada Allah *Subhanahu Wata'ala*, dengan mengekalkan ibadat serta banyak membaca Al-Qur'an dan berzikir.

TITAH

KEBAWAH DULT YANG MAHA MULTA

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIDANG EDITORIAL CANANG

Penasihat:

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Pengerusi:

Yang Mulia Awang Haji Abu Asiruddin bin Haji Zaini
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

Pengarang/Sumber Berita:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan

Susun Atur dan Penyelaras

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penyunting

Yang Mulia Dayang Dr. Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

Pruf dan Penyemakan:

Yang Mulia Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka


Fotografi:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat

Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:

Jabatan Penerangan

OKURIDE SEMPENA HARI ANTARABANGSA ORANG KURANG UPAYA 2024



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Jamadilawal 1446 / 1 Disember 2024 - Acara OKURide, sebuah inisiatif berbasikal amal yang dianjurkan oleh Projek IMPIAN dan ditaja oleh Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei ("Perbadanan TAIB") dan anak syarikatnya — Insurans Islam TAIB Holdings Sdn Bhd dan Darussalam Holdings Sdn Bhd — telah berjaya diadakan dari 30 November hingga 1 Disember 2024. Acara ini diadakan bersempena dengan Hari Antarabangsa Orang Kurang Upaya 2024.


Acara OKURide menyaksikan penyertaan 40 penunggang basikal, masing-masing menempuh perjalanan mencabar sejauh 50km, secara kolektif meliputi jarak keseluruhan 2,000km.

Acara tersebut berakhir dengan majlis penutup yang disempurnakan oleh Tetamu Kehormat, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Semasa majlis tersebut, Tetamu Kehormat menyerahkan sijil pencapaian kepada semua penunggang basikal yang mengambil bahagian dan secara rasmi menyerahkan sumbangan BND10,000 kepada wakil ABLE dan BNAB.

Sambungan Muka Surat 3



MAJLIS "QALBUN SALIM" SEMPENA SAMBUTAN HARI ANTARABANGSA ORANG KELAINAN UPAYA (HAOKU) 2024



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Jamadilawal 1446 / 2 Disember 2024—
Bersempena dengan Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) 2024, Jabatan Pembangunan Masyarakat telah mengadakan Majlis "Qalbun Salim" bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Kg Menggis Madang.

Majlis "Qalbun Salim" mencerminkan komitmen negara dalam memastikan golongan OKU terus dihargai dan disokong dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat.

Majlis ini dihadiri oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat.

Turut hadir ialah Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), pegawai-pegawai kanan KKBS, Yang Mulia Malai @Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah, Yang Dipertua Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), ahli-ahli MKOKU dan persatuan di bawahnya, serta rakan-rakan strategik Kementerian.



BENGKEL PERMAINAN TRADISI MASYARAKAT BRUNEI: PASANG DAN CONGKAK BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa & Rabu, 1-2 Jamadilakhir 1446 / 3-4

Disember 2024 - Bengkel Permainan Tradisi Masyarakat Brunei: Pasang dan Congkak bagi Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah berlangsung selama dua hari di Dewan Digadong, Bangunan KKBS.

Bengkel ini dihasratkan untuk memperkenalkan kepada pegawai dan kakitangan di Kementerian ini dan Jabatan-Jabatan di bawahnya mengenai permainan tradisi masyarakat Brunei: pasang dan congkak dan memupuk penghargaan terhadap warisan budaya dan sejarah permainan tradisi tersebut. Di samping itu, bengkel ini juga diharap dapat mengajar para peserta kaedah dan peraturan bermain permainan tradisi dan seterusnya memberikan kemahiran dan pengetahuan kepada mereka agar dapat mengajarkan permainan tradisi berkenaan kepada generasi masa kini.



MAJLIS DOA KESYUKURAN BERSEMPENA SAMBUTAN HARI SUKARELAWAN ANTARABANGSA 2024



MAJLIS DOA KESYUKURAN
BERSEMPENA SAMBUTAN HARI SUKARELAWAN ANTARABANGSA 2024

5 Disember 2024 di Masjid Ash-Shaliheen




www.kkbs.gov.bn



[kkbs_brunei](#)



Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Jamadilakhir 1446 / 5 Disember 2024—

Hari Sukarelawan Antarabangsa merupakan mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan pada 5 Disember setiap tahun. Bersempena dengan sambutan tersebut, Majlis Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024 telah diadakan bertempat di Masjid Ash-Shaliheen.

Hadir ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Tetamu Kehormat Majlis.

Hadir sama ialah Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan); Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) selaku menjalankan tugas Setiausaha Tetap (Kesukanan); pegawai-pegawai kanan KKBS; Persatuan dan Pergerakan Belia; Belia-Belia Masjid; Alumni Program-Program Kebangsaan dan Antarabangsa; Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Kempen Hari Bertindak Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024; dan belia individu serta orang ramai.

MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN ASEAN MENGENAI KEBAJIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL (SOMSWD)



PERSIDANGAN VIDEO, Rabu-Jumaat, 2-4 Jamadilakhir 1446 / 4-6 Disember 2024 - Brunei Darussalam, melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menjadi Pengerusi kepada Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN mengenai Kebajikan dan Pembangunan Sosial (SOMSWD) dengan penganjuran Mesyuarat SOMSWD ke-20 dan Mesyuarat-mesyuarat Yang Berkaitan, pada 4 hingga 6 Disember 2024 melalui persidangan video, dengan tema "Memperkuuhkan Kerjasama untuk Memajukan Hak dan Kebajikan Orang Berkelainan Upaya" (Strengthening Partnerships for Advancing the Rights and Welfare of Persons with Disabilities).

Mesyuarat SOMSWD Ke-20 dan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Plus Three mengenai Kebajikan dan Pembangunan Sosial (19th SOMSWD+3) Ke-19 diadakan pada 5 hingga 6 Disember 2024. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Yang Mulia Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



MAJLIS SAMBUTAN DAN PENGHARGAAN KEMPEN HARI BERTINDAK BERSEMPENA SAMBUTAN HARI SUKARELAWAN ANTARABANGSA 2024



MAJLIS SAMBUTAN DAN PENGHARGAAN KEMPEN HARI BERTINDAK
BERSEMPENA SAMBUTAN HARI SUKARELAWAN ANTARABANGSA 2024

8 Disember 2024 di Kompleks Sukan Mumong, Daerah Belait

www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei/) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/Kementerian-Kebudayaan-Belia-dan-Sukan-Negara-Brunei-Darussalam)

www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei/) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/Kementerian-Kebudayaan-Belia-dan-Sukan-Negara-Brunei-Darussalam)


DAERAH BELAIT, Ahad, 6 Jamadilakhir 1446 / 8 Disember 2024 - Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khususnya Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah mengungkayahkan Kempen Hari Bertindak Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024 yang diadakan serentak di keempat-empat daerah.

Bersempena dengan sambutan tersebut, Majlis Sambutan dan Penghargaan Kempen Hari Bertindak telah diadakan di Kompleks Sukan Mumong, Daerah Belait.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.

Hadir sama selaku Tetamu Khas Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir menyertai aktiviti Kempen Hari Bertindak (Day of Action - DOA) di Daerah Belait ialah Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS; Yang Mulia Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan; Yang Mulia Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd Yaakub, Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan) Kementerian Pembangunan; Yang Mulia Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang) Kementerian Pembangunan; serta pegawai-pegawai kanan KKBS dan Kementerian Pembangunan.

Sambungan Muka Surat 9



AKTIVITI KEMENGA HARI BERTINDAK BERSEMPENA SAMBUTAN HARI SUKARELAWAN ANTARABANGSA 2024




DAERAH BRUNEI-MUARA, Ahad, 6 Jamadilakhir 1446 / 8 Disember 2024 –

Bagi Daerah Brunei dan Muara, aktiviti Kempen Hari Bertindak bermula di Masjid Kampong Lambak. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Awang Haji Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir ialah Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

Aktiviti selanjutnya diadakan di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan iaitu Pameran Jet Ski kendalian Persatuan Jet Brunei; Bengkel Menapih Sinjang dan Menambat Dastar diungkayahkan oleh Persatuan BERSATU; Bengkel Asas Memanah anjuran Kelab Memanah Setia Bersatu; Bengkel Asas Penulisan Khat Jawi anjuran Pusat Sejarah Brunei; Kemahiran Asas Kayak Fasa II kendalian Persatuan Kayak; Bengkel Penulisan Skrip dikendalikan oleh Kumpulan Putra Seni dan Bengkel Lanjutan Fotografi anjuran Persatuan Jurufoto Negara Brunei Darussalam.

Sambungan Muka Surat 11



AKTIVITI KEMPEN HARI BERTINDAK BERSEMPENA SAMBUTAN HARI SUKARELAWAN ANTARABANGSA 2024



DAERAH TUTONG, Ahad, 6 Jamadilakhir 1446 / 8 Disember 2024 – Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khususnya Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah mengungkayahkan Kempen Hari Bertindak Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024 yang diadakan serentak di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Tutong, aktiviti Kempen Hari Bertindak telah berlangsung di Kompleks Sukan Tutong. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib, Setiausaha Tetap (Tenaga) Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS serta pegawai-pegawai kanan KKBS.



AKTIVITI KEMPEM HARI BERTINDAK BERSEMPENA SAMBUTAN HARI SUKARELAWAN ANTARABANGSA 2024



DAERAH TEMBURONG, Ahad, 6 Jamadilakhir 1446 / 8 Disember 2024 –
Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khususnya Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah mengungkayahkan Kempen Hari Bertindak Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024 yang diadakan serentak di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Temburong, aktiviti Kempen Hari Bertindak bermula di Kawasan Dewan Kemasyarakatan RPN Kampung Rataie. Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Mulia Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan. Turut hadir ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS serta pegawai-pegawai kanan KKBS.




PAMERAN DAN FORUM SUMBER KEPERLUAN KHAS: MEMPERKASA OKU DENGAN PENDIDIKAN DAN KEMAHIRAN



PAMERAN DAN FORUM SUMBER KEPERLUAN KHAS:
MEMPERKASA OKU DENGAN PENDIDIKAN DAN KEMAHIRAN

8 Disember 2024 di Pusat Membeli-belah OneCity

www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



SALAMBIGAR, Ahad, 6 Jamadilakhir 1446 / 8 Disember 2024 – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Projek Impian telah menganjurkan Pameran dan Forum Sumber Keperluan Khas: Memperkasa OKU dengan Pendidikan dan Kemahiran pada 8 Disember 2024 di Pusat Membeli-belah OneCity.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut dihadiri ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) dan Pegawai Kanan JAPEM.

Sambungan Muka Surat 15



MAJLIS MENYAMPUT KEPULANGAN SSEAYP 48



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Jamadilakhir 1446 / 11 Disember 2024 -

Kontinjen Negara Brunei Darussalam seramai 15 orang belia dan seorang Ketua Kontinjen (National Leader) telah kembali ke Negara Brunei Darussalam selepas menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun ke-48 (SSEAYP 48) bermula pada 04 November 2024 yang lalu di Tokyo, Jepun.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara ialah Yang Mulia Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, Pengarah Belia dan Sukan, serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Belia dan Sukan.




PESTA RIA INKLUSIF SEMPENA SAMBUTAN HARI ORANG KELAINAN UPAYA 2024



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Jamadilakhir 1446 / 15 Disember 2024 -

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah merasmikan acara Pesta Ria Inklusif bersempena dengan Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) yang disambut pada 3 Disember setiap tahun bertempat di Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan.



Dengan bertemakan "Memperkasa Kepimpinan Orang Kelainan Upaya untuk Masa Depan yang Inklusif dan Mampan (Amplifying the leadership of persons with disabilities for an inclusive and sustainable future.)", aktiviti ini diadakan dengan tujuan untuk meraikan penyertaan dan perkembangan golongan OKU di dalam masyarakat dan meningkatkan usaha memupuk kesedaran serta mendidik masyarakat terhadap keperluan golongan OKU serta untuk membentuk pandangan positif dan kesaksamaan terhadap golongan tersebut juga.



SESI MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS MESUARAT NEGARA BERSAMA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN




BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Jamadilakhir 1446 / 16 Disember 2024 – Sesi Muzakarah Ahli-Ahli Majlis Mesuarat Negara bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah diadakan di Dewan Bina Diri, Pusat Pembangunan Belia, Kampung Tanah Jambu.

Turut hadir dalam Sesi Muzakarah tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) selaku menjalankan tugas Setiausaha Tetap (Kesukanan); Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan); Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan); Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) serta Ketua-ketua Bahagian dan Jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sesi Muzakarah antara lain memaklumkan dan mengongsikan hala tuju fokus strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang akan diperkuuhkan dan dipertingkatkan melalui Pengukuhan Tadbir Urus dan Pengoperasian yang Berkualiti, Efisien dan Efektif; Penjanaan Belia Harapan yang Berwawasan sebagai Peneraju Pembangunan Negara; Pengukuhan Ekosistem Sukan ke Arah Keinklusifan dan Kecemerlangan; Peningkatan Pelestarian Seni, Budaya, Warisan dan Sejarah; dan Mengembang Maju Masyarakat Cemerlang, Bersatu Padu, Resilien dan Pemedulian.

Sambungan Muka Surat 19



PAMERAN "SENI UNTUK SEMUA" SEMPENA HARI ANTARABANGSA ORANG KELAINAN UPAYA (HAOKU)



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Jamadilakhir 1446 / 18 Disember 2024— Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan Pameran “Seni Untuk Semua” sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) 2024 pada 18 Disember 2024 di Galeri 4, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Lebih 100 buah karya seni lukisan, kraftangan, model dan replika telah dihasilkan oleh OKU dengan bertemakan “Space” yang berkaitan dengan angkasa, astronomi dan alam cakrawala telah dipamerkan.

Hadir bagi melancarkan pameran tersebut ialah Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfeloh, Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pameran “Seni Untuk Semua” berlangsung mulai 18 Disember 2024 hingga 10 Januari 2025. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk berkunjung bagi menyaksikan pameran seni berkenaan.

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN PERSAHABATAN BIMPNT-EAGA KE-11

Pusat Pembangunan Belia Edisi Disember 2024

PROJEK INFIAQ PELATIH KURSUS KULINARI DAN PASTRI SEMPENA KEMERIAHAN HARI BERTINDAK 2024 DI KAMPONG KASAT
Ahad, 22 Disember 2024, Kampung Kasat

[pusat_pembangunan_belia](#) [Pusat Pembangunan Belia](#) [2393681/2](#)

Pusat Pembangunan Belia Edisi Disember 2024

[pusat_pembangunan_belia](#) [Pusat Pembangunan Belia](#) [2393681/2](#)

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Jamadilakhir 1446 / 22 Disember 2024 –
Projek Akhir Para Pelatih Kursus Kemahiran Seni Kulinari dan Benkuet dan Kursus Kemahiran Pastri dan Konfeksyenari telah diadakan dengan kerjasama MKP Kampong Kasat yang telah diadakan di Sekolah Rendah Kasat.

Projek berupa penyediaan hamper yang diperbuat daripada hasil tangan para pelatih kedua-dua kursus berkenaan dan disumbangkan kepada golongan-golongan tertentu di kampung berkenaan dan mereka yang turut serta dalam Program Curhat di Kampong Kitani. Hadir selaku Tetamu Kehormat Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Lumapas.

Pusat Pembangunan Belia Edisi Disember 2024

[pusat_pembangunan_belia](#) [Pusat Pembangunan Belia](#) [2393681/2](#)

Pusat Pembangunan Belia Edisi Disember 2024

CURHAT SAMBIL BERAMAL DI KAMPUNG KITANI
کیمپین های برتیندق
KEMERIAHAN HARI BERTINDAK
20HD & 21HD DISEMBER 2024
7:30 Pejabat Daerah
BRUNEI DARUSSALAM

[pusat_pembangunan_belia](#) [Pusat Pembangunan Belia](#) [2393681/2](#)

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Jamadilakhir 1446 / 24 December 2024—

Seramai 6 orang ketua keluarga telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli YangMaha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis berlangsung di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seramai enam (6) orang ketua keluarga yang menerima bantuan kewangan hari ini adalah

mangsa yang terlibat dalam kejadian angin kencang. Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



PROGRAM JERAYAWARA SENI, BUDAYA, WARISAN DAN SEJARAH “PERJALANAN KEBUDAYAAN: DI AMBANG 2025”



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Jamadilakhir 1446 / 31 Disember 2024 - Program “Perjalanan Kebudayaan: Di Ambang 2025”, satu program jerayawara seni, budaya, warisan dan sejarah yang dibawakan oleh Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Muzium-muzium, Pusat Sejarah Brunei dan Dewan Bahasa dan Pustaka telah diadakan di Dewan Digadong, Bangunan KKBS.

Program Jerayawara Seni ini telah menganjurkan pelbagai aktiviti menarik seperti Permainan / Kuiz: Tradisional, Bahasa, Sejarah, Budaya, menambat dastar, klinik bersinjang, kenali sejarah.



ក្រសួងកុំប្នោគយោន, បរិយាខាងសុខន

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dikeluarkan oleh:

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan